

Calon kurang ● , dikenali dapat kelonggaran

BH - 3 MAY 2000

Oleh Jamhariah Jaafar dan Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR. Selasa – Kelonggaran untuk berkempen bagi pemilihan Umno minggu depan, hanya diberi kepada calon ahli Majlis Tertinggi (MT) yang tidak begitu dikenali ramai, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, berkata calon lain terutama yang bertanding jawatan naib presiden, tidak perlu lagi berkempen kerana sudah dikenali perwakilan dan ahli di peringkat umbi.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, walaupun sedikit kelonggaran diberi untuk ahli MT berkempen, setiap calon masih tertakluk kepada kod etika pemilihan, yang antara lain melarang penggunaan wang.

“Mereka boleh berkempen secara sihat... yang jadi masalah sekarang ialah politik wang iaitu menggunakan wang secara berlebihan.

“Itu memang kita tidak benarkan, jadi kita kena rujuk balik kod etika yang dikeluarkan MT,” katanya ke-

pada pemberita selepas merasmikan Forum dan Ekspo Air 2000, Tenaga 2000 dan ISF 2000 di Pusat Pameran Mines di Sri Kembangan, hari ini.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai sedikit kelonggaran berkempen yang diberi kepada calon terutama bagi jawatan ahli MT berikutan ada yang mengadu tidak begitu dikenali oleh perwakilan.

Selasa lalu, semua sembilan calon naib presiden, ketua Wanita serta naib ketua Wanita dan Pemuda, membuat pengakuan bertulis kepada Dr Mahathir untuk menghentikan apa juga bentuk kempen menjelang perhimpunan agung parti.

Pendirian yang sama dibagikan oleh semua 62 calon MT dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Jumaat lalu, tetapi ada antara mereka meminta sedikit kelonggaran kerana merasa tidak begitu popular berbanding calon yang mempunyai jawatan dalam Kabinet dan parti.

Berikutan itu, Sabtu lalu,

Dr Mahathir berkata calon terbabit dibolehkan berkempen tetapi secara sah, iaitu tanpa menggunakan wang.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata semua calon terbabit masih terikat dengan kod etika pemilihan yang digariskan MT pada mesyuarat Februari lalu yang antara lain melarang calon menghulur wang kepada perwakilan walaupun bagitambang pengangkutan, bayaran penginapan dan belanja makan.

Menjawab soalan lain, Abdullah berkata ketika ini beliau tidak mengetahui sama ada terdapat laporan rasmi mengenai politik wang dikemukakan oleh ahli parti kerana semua laporan akan dialamatkan kepada ibu pejabat Umno.

“Sebarang laporan patut dibuat oleh ahli Umno dan calon sendiri, mereka patutnya lebih tahu sekiranya ada kegiatan menggunakan politik wang,” katanya.

Beliau berkata, calon juga tidak digalakkan untuk membuat kenyataan bertujuan memperkenalkan diri melalui media.